

Kosmo
16/6/2015
mls 6

Taktik terbaharu sindiket dadah mencampur bahan terlarang dengan makanan

Promosi biskut, gula-gula lalok

Oleh MALINDA ABDUL MALIK

KUALA LUMPUR - Sindiket pengedaran dadah tidak pernah berhenti mencari taktik baharu bagi mempromosi dan mengedar bahan terlarang tersebut kepada pelanggannya.

Terbaharu Polis Diraja Malaysia (PDRM) berjaya menghidu sindiket yang mencampurkan dadah ke dalam gula-gula dan biskut sebelum barang terlarang itu dihantar kepada pelanggannya.

PDRM dalam satu kenyataan memberitahu, gula-gula dan biskut lalok tersebut dipromosi menerusi media sosial seperti Facebook dan Instagram.

Pelanggan yang berminat dengan dadah yang dijual cara baharu itu boleh berinteraksi dengan ahli sindiket itu menerusi media sosial.

"Sindiket pengedaran dadah itu mencampurkan adunan bahan makanan seperti gula-gula dan biskut dengan dadah sebelum bahan terlarang tersebut dipasarkan menerusi medium sosial seperti Facebook dan Instagram,"

Sindiket pengedaran dadah mencari alternatif baharu untuk menarik ramai pelanggan dan sesiapa sahaja untuk membeli dan memiliki pelbagai jenis dadah yang ditawarkan

KENYATAAN PDRM

jelas kenyataan itu.

Kata kenyataan itu, penghantaran gula-gula dan biskut lalok yang ditempah melalui Facebook dan aplikasi Instagram hanya dibuat melalui perkhidmatan kurier atau pos.

"Sindiket pengedaran dadah kini mencari alternatif baharu untuk menarik lebih ramai pelanggan dan sesiapa sahaja yang berminat untuk membeli dan memiliki pelbagai jenis dadah yang ditawarkan," kata kenyataan itu



KERATAN Kosmo! 20 Januari 2015.

lagi.

Sehubungan itu, PDRM menasihatkan ibu bapa supaya mengawasi aktiviti sosial anak-anak yang kerap berhubung melalui media sosial.

Difahamkan, pengedaran biskut dan gula-gula lalok itu dihidu bermula di sekitar Sabah.

Pada 20 Januari lalu Kosmo! melaporkan penyebaran berhubung kewujudan gula-gula dadah dengan jenama Strawberry Meth atau Strawberry Pop Rock seperti yang tersebar di laman sosial WhatsApp adalah maklumat palsu.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Noor Rashid Ibrahim ketika itu mengesahkan maklumat tersebut tidak benar.

daripada gula-gula itu mara adunan bahan makanan tersebut mempunyai campuran dadah

1. Menggunakan Facebook dan aplikasi Instagram untuk menjual dadah
2. Suspek hanya berinteraksi dengan pembeli melalui Facebook dan aplikasi Instagram sahaja untuk pembelian dan penghantaran 'makanan' yang dipesan
3. Penghantaran dibuat melalui perkhidmatan kurier atau pos.

Nasihat

1. Ibu bapa atau penjaga perlu mengawasi aktiviti sosial anak-anak seperti perhubungan melalui media sosial.
2. Sentiasa bersikap ingin tahu apabila melihat ahli keluarga atau rakan berkelakuan aneh atau personaliti secara mendadak.
3. Sentiasa bersikap ingin tahu atau melakukan pemeriksaan terhadap bungkusan yang diterima melalui kurier atau pos
4. Sentiasa mendidik dan mendedahkan ahli keluarga atau rakan tentang bahayanya najis dadah.



CONTOH biskut dan gula-gula lalok yang dimuat naik di laman Facebook Polis Diraja Malaysia.